

<b>Headline</b>	<b>Pecah monopoli TM matlamat jangka pendek</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>14 Sep 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>112,050</b>	<b>Readership</b>	<b>336,150</b>
<b>Section</b>	<b>Ekonomi</b>	<b>Page No</b>	<b>16</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>242 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 14,349</b>		



## Pecah monopoli TM matlamat jangka pendek

Oleh NUR HANANI AZMAN

ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 13 Sept.** - Perbincangan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk memecahkan monopoli Telekom Malaysia Bhd. (TM) dalam sektor fiber di negara ini mungkin hanya akan mencapai matlamat jangka pendek.

Penasihat Kanan ASEAN Advisory Pte. Ltd., Datuk Mohamed Sharil Tarmizi berkata, tindakan mengubah struktur sesebuah syarikat atau 'dislocating' dilihat tidak memberi dividen dalam jangka panjang.

Beliau yang juga bekas Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), berpendapat inisiatif lain boleh dilaksanakan antaranya menggalakkan lebih banyak persaingan.

Katanya, pengenalan akses yang memudahkan dalam segmen telekomunikasi juga penting terutamanya dari aspek untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa.

"Saya faham Malaysia mempunyai agensi dan unit berbeza memerlukan mereka membuat semakan secara teliti sebelum meluluskan sesuatu projek. Tetapi, sekiranya kelulusan projek lebih mudah dan pantas, industri telekomunikasi dan fiber di dalam negara akan menjadi lebih maju."

"Sabah dan Sarawak antara dua negeri yang memerlukan pelaburan yang lebih banyak dalam infrastruktur fiber," katanya kepada pemberita sempena hari kedua Persidangan Dasar Awam Dalam Dunia Digital di sini hari ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo

Headline	Pecah monopoli TM matlamat jangka pendek		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	16
ArticleSize	242 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,349		



**Saya faham Malaysia mempunyai agensi dan unit berbeza memerlukan mereka membuat semakan secara teliti sebelum meluluskan sesuatu projek."**

**MOHAMED SHARIL TARMIZI**  
Penasihat Kanan ASEAN Advisory Pte. Ltd.

baru-baru ini berkata, Tenaga Nasional Bhd. (TNB) wajar membuka rangkaian fibernya untuk menyokong keperluan negara ini meningkatkan penembusan jalur lebar.

Langkah itu, kata penganalisis, akan menyebabkan berakhirnya monopoli TM dalam sektor fiber di negara ini.

Jelas Mohamed Sharil lagi, an-

tara cabaran lain penembusan jalur lebar di Malaysia adalah pihak berkuasa tempatan di setiap negeri yang ada antaranya membantu proses pemasangan fiber dan ada juga yang menyukarkan.

“Dalam hal ini, pihak berkuasa tempatan seharusnya memainkan peranan membantu syarikat telekomunikasi untuk memudahkan kerja-kerja mereka,” katanya.